

UNTUK KELUARAN SEGERA

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:
Elisa Nur | elisa@madhat.asia | +6011 2889 6086
Ali Mokhtar | ali@madhat.asia | +017 879 9291

Melabur Demi Impian: Pembiayaan Permulaan \$100 Ribu Memperkasa Usahawan Wanita

Futuremakers oleh Standard Chartered dan Mereka Berganding Bahu Menyokong Program Wanita dalam Keusahawanan (WiE)



Launching Impact Together: A powerful moment with visionaries shaping the future of entrepreneurship.

L-R: Rashvin Pal Singh, Group CEO of Mereka and Biji-biji Initiative, Mdm. Noor Afifah binti Abdul Razak, Deputy Secretary General (Policy and Monitoring) of Ministry of Entrepreneur and Cooperatives Development (MECD), Mohd Suhaimi Abdul Hamid, CEO of Standard Chartered Saadiq Malaysia, and Juliana Adam, Director of Mereka and CEO of Biji-biji Initiative

Kuala Lumpur, 11 September 2023 – Dalam usaha untuk memperkasakan lagi kaum wanita, Futuremakers oleh Standard Chartered dan Mereka Innovative Education (Mereka) memperkenalkan Program Wanita dalam Keusahawanan (WiE) untuk melengkapkan

organisasi yang dipimpin oleh wanita tempatan dengan asas-asas kepintaran dalam perniagaan.

Pelancaran WiE dirasmikan **Puan Noor Afifah binti Abdul Razak, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pemantauan) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD)** pada hari **Isnin, 11 September 2023** di **Mereka Space, Publika Shopping Gallery, Kuala Lumpur**.

Program ini terbuka kepada organisasi yang diterajui oleh wanita dan berpangkalan di Malaysia dengan produk minimum berdaya maju (MVP) serta model perniagaan yang jelas. Program ini juga terdiri daripada webinar dan sesi pembentangan (*pitching*), yang akan melalui proses pemilihan kompetitif dan hanya 20 pasukan yang akan layak untuk menyertai kursus latihan intensif atau *bootcamp*.

Selain itu, 5 pasukan pemenang teratas akan menerima pembiayaan permulaan daripada dana sebanyak USD 100,000 dan menjalani sebuah program bimbingan khusus. Mentor-mentor yang berpengalaman dalam bidang keusahawanan akan membimbing pasukan yang bertuah ini selama enam bulan.



L-R: Farhana Mohd Noor, Project Director of Mereka, Rashvin Pal Singh, Group CEO of Mereka and Biji-biji Initiative, Juliana Adam, Director of Mereka and CEO of Biji-biji Initiative, Mdm. Noor Afifah binti Abdul Razak, Deputy Secretary General (Policy and Monitoring) of Ministry of Entrepreneur and Cooperatives Development (MECD), Datuk Yvonne Chia, Chairman of Standard Chartered Bank Malaysia, Mastura Adnan, Head, Brand & Sponsorship, Impact and Community Engagement of Standard Chartered Bank Malaysia, Mohd Suhaimi Abdul Hamid, CEO of Standard Chartered Saadiq Malaysia, Geraldine Tan Head, Corporate Affairs, Brand and Marketing Standard Chartered Malaysia

“Kami percaya bahawa usahawan wanita mempunyai potensi besar untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan inovasi di Malaysia. Melalui program ini, kami bukan sahaja mahu membantu dalam kejayaan perniagaan mereka bahkan mereka juga akan dibekalkan dengan sumber, alat dan bimbingan yang diperlukan untuk membina perniagaan yang mampan. Semoga kerjasama kami bersama Mereka dapat membuka lebih banyak peluang



kepada usahawan wanita di luar sana yang mengimpikan pertumbuhan pasca COVID-19, yang mendesak lebih daripada 176,000 usahawan di seluruh negara hingga gulung tikar.

"Sejak tahun 2020, Standard Chartered telah memberikan komitmen sebanyak USD 25 juta untuk menyokong pemulihan ekonomi bertumpukan belia sebagai sebahagian daripada inisiatif Futuremakers oleh Standard Chartered. Standard Chartered berperanan sebagai rakan kongsi utama bagi semua projek Futuremakers," kata Mohd Suhaimi Abdul Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Saadiq Malaysia.

"Kami amat berbesar hati atas kerjasama dengan Futuremakers oleh Standard Chartered dan Mereka dalam menjayakan inisiatif ini. Usahawan wanita menghadapi cabaran yang unik dari segi sokongan dan pembiayaan yang diperlukan bagi memulakan serta mengembangkan perniagaan mereka.

"WiE direka untuk mengatasi rintangan ini dengan membekalkan akses terhadap sumber dan bimbingan yang diperlukan. Dengan sokongan terhadap perniagaan yang diterajui wanita ini, kita bukan sahaja dapat menyerlahkan potensi mereka bahkan kita juga dapat memacu perubahan yang lebih positif serta pertumbuhan ekonomi di seluruh Malaysia. Bukan itu sahaja, kita juga pasti dapat merapatkan jurang antara jantina dalam bidang keusahawanan dan menggalakkan ekuiti jantina dalam kalangan masyarakat melalui inisiatif ini," kata Juliana Adam, Pengarah Mereka dan Ketua Pegawai Eksekutif Inisiatif Biji-biji.

Permohonan bagi Program WiE kini dibuka, pasukan yang berminat boleh memohon melalui laman web rasmi Women in Entrepreneurship di <<https://wie.mereka.my/>>

ABOUT MEREKA

Mereka is an alternative education space that aims to teach the skills of the future, in order to build a talent pool that is resourceful, engaged and informed enough to take on the challenges of the future. How employees feel and how a company performs are undeniably linked. (<https://www.mereka.my/>)

.

ABOUT FUTEREMAKERS BY STANDARD CHARTERED

Futuremakers by Standard Chartered is our global initiative to tackle inequality by promoting greater economic inclusion in our markets. Futuremakers supports disadvantaged young people aged 35 or below, especially girls and people with visual impairments, to learn new skills and improve their chances of getting a job or starting their own business. (<https://www.sc.com/en/>)